



Jabatan Perpaduan Negara
dan Integrasi Nasional

BULETIN

IKLIN

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional



IKLIN
MEMBUDAYAKAN PERPADUAN
PEMACU
PERPADUAN NEGARA


November 2015 ISSN 2289 - 4276

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

GEMILANG PERPADUAN



ISSN 2289-4276



9 77228942700?

Petikan Ucapan



YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Di Majlis Perhimpunan Awal Tahun Bersama Warga JPNIN Pada 10 Februari 2015 Dan Perutusan Mesyuarat Lembaga Penasihat IKLIN (LPI) Kali Kedua Pada 23 Februari 2015

Saya membuka tirai 2015 dengan memperkenalkan semangat 'Gemilang Perpaduan' sebagai intipati dan tunjang utama kepada program-program JPNIN dengan memberi hala tuju dan nafas baru bagi memacu perpaduan dan keharmonian negara. Saya yakin dan percaya jika semangat gemilang perpaduan ini berjaya disemat dalam sanubari setiap rakyat maka sensitiviti etnik dan tatakelakuan negatif dapat dikikis dan dibendung terutama di kalangan generasi muda.

Saya menyeru kepada seluruh warga JPNIN agar terus menggembungkan tenaga kerja dan memberi fokus kepada perubahan minda, bina etika luhur, pembangunan tenaga manusia mahir, budaya kerja berprestasi tinggi, kepimpinan kukuh, berintegriti dan mengamalkan budaya kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Sehubungan itu, self development and self improvement dengan mananam minat membaca dan menimba ilmu di kalangan warga JPNIN amat penting agar dapat menjana idea-idea baru dan bernas melalui inovasi baru terhadap program-program JPNIN.

Justeru itu, saya mengesyorkan agar program-program JPNIN mendekati golongan muda dengan lebih luas lagi (*engage young generation in a bigger way*). Dalam masa yang sama, JPNIN hendaklah memastikan program-program yang dirancang dan dilaksanakan dapat dirasai oleh masyarakat akar umbi. Oleh itu, pelbagai kaedah dan cara boleh dilakukan dalam mencapai matlamat dan objektif pelaksanaan program agar dapat dilihat dan dinikmati oleh masyarakat. Antaranya penglibatan komuniti dalam pengurusan bencana (*community based disaster management*), penglibatan secara langsung ibubapa dalam aktiviti Tabika Perpaduan dalam usaha memupuk semangat toleransi di kalangan kanak-kanak, memperkasakan ekonomi Rukun Tetangga dalam menjana pendapatan isi rumah dan menceburi media sosial (*social media engagement*).

Saya amat yakin pembaharuan dan penambahbaikan terhadap program-program JPNIN berdasarkan perkara-perkara yang saya nyatakan di atas, yang boleh saya simpulkan dalam 4 kluster iaitu belia, media, keselamatan dan kesejahteraan komuniti dapat menyerahkan lagi fungsi dan peranan JPNIN sebagai agensi peneraju dalam menyampaikan mesej-mesej perpaduan dengan lebih menyeluruh, komprehensif, strategik dan berkesan.



HASRAT DAN ASPIRASI MENGGEMILANGKAN PERPADUAN

YBhg. Tuan Gandesan a/l Letchumanan Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin IKLIN atas kejayaan penerbitan Buletin IKLIN Tahun 2015 yang saya amati berupaya menjadi wadah penyampaian ilmu dan maklumat kepada seluruh warga kerja di JPNIN. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan hasrat hati saya kepada seluruh warga kerja JPNIN dalam menyahut seruan YB Menteri untuk menggembangkan perpaduan. Gemilang Perpaduan menjurus kepada beberapa

elemen utama yang perlu direalisasikan bagi memastikan program/aktiviti JPNIN dapat dilihat, dirasai dan dinikmati oleh masyarakat di setiap peringkat akar umbi. Saya dapatkan hasrat dan aspirasi menggembangkan perpaduan ini amat bertepatan sekali dengan matlamat utama RMK-11 (2016 – 2020) yang memberikan keutamaan kepada rakyat dalam semua usaha pembangunan negara.

Oleh yang demikian, halatuju untuk mencapai matlamat dan objektif JPNIN perlu diberi nafas baru (*rejuvenate*) agar ianya sejar dengan pendekatan yang diketengahkan dalam RMK-11. Peranan dan tanggungjawab seluruh warga kerja JPNIN juga perlu diperkemas dan dipertingkatkan untuk mencapai KPI (key performance indicator) dan impak program/aktiviti JPNIN dalam RMK-11 di bawah Teras Strategik 2 – Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat. Sehubungan itu, saya menyeru kepada seluruh warga kerja JPNIN untuk menghayati budaya kerja cemerlang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat. Justeru itu, etika sentiasa berazam meningkatkan mutu kerja, bekerja dengan penuh tanggungjawab, mengikis sikap pentingkan diri dan bekerjasama membanteras kelemahan haruslah menjadi budaya dan amalan di JPNIN.

Sejajar dengan itu, saya memperkenalkan elemen C4E (*Communicate, Educate, Engage, Empower and Energise*) sebagai panduan untuk melaksanakan kebertanggungjawaban yang ditetapkan dalam mencapai visi, misi, matlamat dan objektif JPNIN. Saya optimis dan yakin sekiranya elemen C4E diamalkan maka segala tindakan yang diambil dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab akan dilihat dalam konteks 4R (*Relevant, Respect, Recognise and Rovers*). Justeru itu, bekerjasama dalam satu pasukan dan kesepakatan memerlukan semangat kerjasama dan kerja berpasukan yang tinggi. Bagi saya, semangat teambuilding hendaklah seiring dengan pengamalan nilai integriti dan disiplin yang tinggi. Dengan itu, saya menyeru agar pegawai-pegawai JPNIN sentiasa

mempelajari dan meningkatkan penguasaan ilmu serta bersikap untuk berusaha meningkatkan prestasi. Konsep peningkatan ilmu dan menyemai semangat cintakan ilmu dalam diri wajar menjadi prinsip utama setiap pegawai JPNIN. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran menjadi momentum penting untuk pegawai sentiasa berfikiran positif, rasional, bijaksana dan dinamik. Ianya juga merupakan keperluan yang amat penting dalam membuat idea-idea kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas.

Bagi merealisasikan Gemilang Perpaduan, pegawai JPNIN perlu mengubah cara kerja dan cara berfikir ke arah budaya kerja cemerlang seperti yang saya nyatakan di atas. JPNIN harus memainkan peranan yang aktif dalam usaha mentransformasi kesejahteraan sosial di kalangan masyarakat melalui pelbagai inisiatif dan idea baru yang diketengahkan. Kepelbagaiannya program dan aktiviti yang dirangka hendaklah menjurus kepada kluster belia, media, keselamatan dan kesejahteraan komuniti seperti yang disarankan oleh YB Menteri supaya mencakupi seluruh peringkat dalam komuniti. Sehubungan itu, penambahbaikan terhadap program/aktiviti sedia ada amat penting dengan membuat pengubahsuaian beberapa elemen yang diberi nafas baru (*rejuvenate*) dan memperkemaskan jalinan kolaborasi bersama pihak lain seperti agensi kerajaan, persatuan/pertubuhan sukarela, NGO, korporat dan swasta.

Saya amat berharap kecemerlangan pegawai-pegawai dan warga kerja JPNIN menjadi anjakan paradigma kepada JPNIN sebagai agensi peneraju dalam pemupukan perpaduan bagi mengelakkan kelestarian negara terus terjamin. Akhir kata, semoga penerbitan Buletin IKLIN ini dapat mencetus idea, meningkatkan motivasi dan menyemarak semangat budaya kerja cemerlang di kalangan pegawai dan warga kerja JPNIN.

Sekian, terima kasih.



IKLIN MENYEMARAKKAN GEMILANG PERPADUAN

Encik Ho Khek Hua Pengarah

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Gemilang Perpaduan menyediakan landasan bagi membudayakan perpaduan. Ia meliputi 4 kluster – Belia, Media, Kesejahteraan Komuniti dan Keselamatan Komuniti serta menetapkan program-program dibawah setiap kluster dengan tujuan menyatupadukan rakyat dan menjadikan hubungan baik antara kaum menjadi amalan harian. Pendekatan mesra rakyat dan menyelami isi hati masyarakat akar umbi diutamakan dalam Gemilang Perpaduan.

IKLIN menyahut seruan agenda Gemilang Perpaduan dan menyambut cabaran ini bagi menjayakannya. Kerjasama erat bersama rakan strategik dan bergerak seiringan dengan Bahagian-bahagian di JPNIN akan dimantapkan lagi bagi melahirkan anggota JPNIN dan pemimpin masyarakat khasnya di Rukun Tetangga yang berprestasi tinggi dan berjiwa rakyat melalui latihan. Justeru itu, pendekatan keterbukaan dan mudah didekati untuk memahami kehendak pelanggan bagi merekabentuk latihan terus dikukuhkan.

Dalam usaha menyemarakkan Gemilang Perpaduan, tumpuan kepada menggalas komitmen dan iltizam anggota JPNIN di semua peringkat akan diberi perhatian supaya mereka dapat melunaskan tanggungjawab dalam melaksanakan program-program yang dirancang ke satu mercu tanda baharu berbanding dengan pencapaian sebelum ini. Adalah diharap dengan usaha-usaha tersebut, IKLIN dapat terus mengorak langkah menyemarakkan Gemilang Perpaduan ke arah membudayakan perpaduan.

Ahli Sidang Redaksi Buletin IKLIN 2015

Penaung

Tuan Gandesan a/l Letchumanan
Ketua Pengarah JPNIN

Penasihat

Encik Ho Khek Hua
Pengarah IKLIN

Ketua Sidang Redaksi /Pengarang

Pn. Suraya Wen

Ahli Sidang Redaksi

Pn. Intan Suhana binti Yusuff
Pn. Wan Zumaiza binti Wan Mustapha
En. Mohd Syafiq bin Rashid
Pn. Norhamidah binti Gorment
Pn. Syadatul Amira binti Aminudin
Cik Nordiana binti Ma'mor
Pn. Syazana binti A.Razak
Pn. Nik Nurul Nadia binti Nik Mohd Rozi
En. Mohd. Fairus bin Mat Daud



Pertukaran Keluar “Jasamu Dikenang”



Encik Abd. Halim bin Hassan
Pengarah Bahagian Kesepadan Sosial dan Integrasi Nasional (KSIN), JPNIN pada 1 Jun 2015 dan Pengarah JPNIN WP Kuala Lumpur 1 September 2015



Cik Norsaila binti Mohamad
ke JPNIN Pulau Pinang
27 Julai 2015



Puan Safinaz binti Mohd Zaki
ke Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2 Januari 2015



Cik Norita binti Khalid
ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
23 Mac 2015



Encik Mohd Husaini bin Mohamed Noor
Menerima tawaran jawatan Konstabel Polis Diraja Malaysia (PDRM)
25 Januari 2015



Encik Aidil bin Andy
Menerima tawaran jawatan Pengguna Kastam W41
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
19 Oktober 2015



En. Mohd Syafiq bin Rashid
Menerima Kenaikan Pangkat PTD Gred M44
15 November 2015

“Selamat Datang”



Encik Beh Sang How

Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Latihan
(dari JPNIN Pulau Pinang)
3 Ogos 2015



Puan Zuhaida binti Khairi

Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17
Bahagian Pengurusan & Khidmat Sokongan
(dari Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan)
2 Januari 2015




Puan Norlizawati binti Mohd Kandar

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
Bahagian Pembangunan Latihan
(dari Jabatan Perdana Menteri)
18 Mac 2015

Gemilang Perpaduan

Gemilang Perpaduan menjurus kepada penambahbaikan dan pengubahsuaian kepada aktiviti dan program sedia ada bagi memupuk, mengukuh dan meningkatkan perpaduan dan keharmonian negara dalam mendepani cabaran yang lebih besar dan kompleks. Perubahan struktur masyarakat (*changing nation*) kini memerlukan pendekatan yang lebih inklusif dan bersepada untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan keharmonian negara. Teras program Gemilang Perpaduan tetap berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara seterusnya memperteguhkan *National Solidarity* sebagaimana hasrat YAB Perdana Menteri.

Program dan aktiviti berteraskan Gemilang Perpaduan berpandukan kepada 4 kluster yang merangkumi setiap peringkat dalam masyarakat.



Pembangunan Latihan

Citizenry Training Enrichment (CTE)

Pusat Hubungan Etnik

- ▶ Hubungan Etnik
- ▶ Bahasa Mandarin
- ▶ Felo Muda Perpaduan
- ▶ Skuad Uniti

Pusat Mediasi

- ▶ Mediasi Komuniti
- ▶ Mediasi
- ▶ Pengurusan Isu
- ▶ Kafe Penggerak Perpaduan

Pusat Kepimpinan

- ▶ Pusat Khidmat RT
- ▶ Kepimpinan Komuniti
- ▶ RT Cemerlang
- ▶ SRS Cemerlang
- ▶ Digital Mall
- ▶ Kospen
- ▶ J-Nita

Kafe Penggerak

Penggerak Perpaduan Masyarakat (PPM) berperanan sebagai jentera memperkuuh dan mempertingkatkan keharmonian masyarakat dan perpaduan negara di kawasan-kawasan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti. Pelbagai isu dan masalah berkaitan perpaduan dalam masyarakat setempat dapat disampaikan kepada agensi-agensi Kerajaan berkaitan untuk tindakan dan dapat dilakukan dengan saluran yang kemas tanpa publisiti negatif dalam media massa. Kafe Penggerak merupakan medium menyampaikan dasar-dasar baru, platform berkongsi pandangan dan idea dalam usaha PPM memperkemas dan meningkatkan keupayaan agar menjalankan peranan mereka dengan lebih berkesan.

Isu Keselamatan Negara

Isu Perpaduan Semasa

Tugas dan Peranan PPM



Skilling & Upskilling (SU)

Pusat Pendidikan Perpaduan

- ▶ Asas & Lanjutan
- ▶ Pendidik
- ▶ Riang Ria Abjad
- ▶ My Rukun Negara

Pusat Pengurusan

- ▶ ISO
- ▶ Inovasi & Kualiti
- ▶ Kewangan
- ▶ Sumber Manusia
- ▶ ICT
- ▶ Kepimpinan

Modul Silang Budaya

Peningkatan kompetensi pegawai JPNIN dalam menjalankan peranannya sebagai ‘social engineer’ amat penting sebagai langkah penambahbaikan yang berterusan bagi meningkatkan kebolehan dan kemahiran dalam menjalankan tugas memantau dan mengesan isu-isu di peringkat akar umbi dengan tepat dan berkesan. Keupayaan pegawai JPNIN memantapkan keberkesanan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat amat penting diutamakan terutama mengenai adat resam dan silang budaya dapat membantu pegawai JPNIN menjalankan tugas dengan lebih berkesan dalam masyarakat. Pembelajaran berterusan menerusi Modul Silang Budaya berupaya meningkatkan keyakinan pegawai JPNIN sebagai Jurulatih kepada Guru Penyelaras Kelab Rukun Negara dan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Kandungan rangka Modul Silang Budaya adalah seperti berikut:

Pendekatan modul:

Pendekatan dalam aktiviti modul silang budaya dijalankan dalam konsep santai dengan menggunakan formula 3B iaitu:

- Bermain - Aktiviti dijalankan dalam suasana menyeronokkan dan santai
- Berkongsi - Peserta berkongsi mengenai pengalaman diri dan nilai diri
- Bertoleransi - Peserta belajar menerima perbezaan budaya, menghormati perbezaan dan tidak menyinggung sensitiviti rakan etnik lain

Budaya dan Adat Resam

- Kenali Diriku
- Kek Hari Jadi
- Nyam.. Nyam
- Dapur Muhibbah
- Syoknya Senam Harmoni
- Memori Alam Kecil
- Inilah Kolam Kami
- Raya! Raya!
- Dambomm
- Malaysia Di Sini Lahirnya Cinta

Kenegaraan

Moral dan Sivik

- Sesi Pecah Aisberg
- Raikan Harmoni
- Antara Dua Dunia
- Genggam Bara Api
- Integriti Ilmu
- Adil Saksama
- BFF
- Transform-Ers
- Optimis Prime
- Patriotisme

- Aktiviti Memecahkan Aisberg
- Budi Bahasa Budaya Kita
- Bicara Mutiara
- Saya, Dia Dan Mereka
- Pengikat Silaturrahim
- Amalan Baik Jiwa Selamat
- Cinta Flora Dan Fauna
- Keluargaku Sayang
- Syukur Kepada Tuhan
- Akan Ku Pertahankanmu!



1 Kursus RT Cemerlang

Kursus ini memberi tumpuan kepada RT yang layak menjadi “role model” kepada RT yang berpotensi untuk cemerlang melalui perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman yang boleh dijadikan rujukan dan motivasi.



Perkongsian ilmu antara KRT Kajang Utama dan KRT Telaga Batin di Kuala Terengganu pada 21-23 Ogos 2015.

2 Kursus Inovasi Rukun Tetangga (RT)

Kursus Inovasi RT memberi fokus kepada penglibatan seramai 40 usahawan RT di negeri Kelantan yang berminat dalam keusahawanan melalui “Digital Mall” untuk menjalankan perniagaan secara on-line. Kursus ini memberikan ilmu dan kemahiran perniagaan secara on-line melalui kerjasama dan kepakaran pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Interaksi peserta dengan pakar dari UKM semasa kursus pada 18-20 Ogos 2015 di Kota Bharu, Kelantan.

3 Kursus Pengenalan KOSPEN Rukun Tetangga (RT)

Kursus ini memberikan kesedaran dan minat kepada penduduk dalam kawasan RT untuk menjaga kesihatan bagi mengelak dari mengidap penyakit kronik. Penglibatan Rukun Tetangga dalam KOSPEN dapat meningkatkan kesedaran penduduk untuk mengamalkan gaya hidup sihat dengan menyampaikan mesej kepentingan penjagaan kesihatan kepada komuniti melalui program kesihatan. Kemahiran yang diberikan kepada penduduk RT dalam program ini menjadikan mereka sebagai ‘Doktor Komuniti’.



Latihan KOSPEN di KRT Taman Permata “A”, Hulu Kelang Selangor pada 17-19 April 2015.

4 Bengkel Sukarelawan Jiran Muda

Bengkel ini memberi peluang kepada Jiran Muda untuk menyerlahkan potensi sebagai pemimpin dalam masyarakat melalui perkongsian pengalaman dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam kerja-kerja sukarela. Peserta turut diberi pendedahan dan ruang untuk memberi pandangan dan cadangan dalam perancangan aktiviti Rukun Tetangga untuk menarik minat golongan muda dalam program Rukun Tetangga.



Peserta sedang mendengar taklimat dari penceramah dalam bengkel yang diadakan pada 18-19 Mac 2015.

Penyelarasan Kajian dan Maklumat

KAJIAN ISU PERPADUAN SEMASA 2015

Kajian Eksperimen Pusat Mediasi Putrajaya

Mengenalpasti bentuk kit mediasi dan menyediakan kit untuk Pusat Mediasi.

Menjalankan *benchmarking* yang berintegriti.

Mengenalpasti prasarana yang sesuai untuk Pusat Mediasi.

Kajian Tuntutan Kumpulan Sabah dan Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) dalam media massa

Meninjau kebangkitan semangat kenegerian di Sabah dan Sarawak yang membawa sentimen anti- Putrajaya.

Mengenalpasti perkembangan sosial dan politik dalam tahun 2013-2014.

Memahami perkembangan SSKM dengan lebih jelas dan kaitan dengan situasi politik semasa.

Kajian Mengenalpasti Tahap Kefahaman dan Pengamalan Nilai-nilai patriotisme di Sabah

Mengenalpasti nilai patriotik, jenis patriotik dan faktor mempengaruhi nilai patriotik di kalangan masyarakat Sabah.

Memberi input dalam pembentukan modul memperkasakan nilai jati diri belia mengenai patriotisme.

Kajian Eksperimen Memperkasakan Ekonomi Rukun Tetangga di Sook, Keningau, Sabah

Pendekatan eksperimen ini adalah berkonsepkan mentor-mentee dari aspek mengenalpasti kekuatan dan kelemahan penduduk.

Mengenalpasti produk projek ekonomi yang sesuai dengan kehendak serta kekuatan penduduk.

Membina profail kawasan RT yang hendak dibangunkan dari sektor ekonomi.

Memberi latihan keusahawanan kepada penduduk yang terlibat.

Mengadakan jaringan dengan agensi yang berkaitan dengan projek ekonomi.

Kajian Eksperimen Projek Eko-Komuniti di Kawasan Rukun Tetangga

Pendekatan kajian eksperimen ini berbentuk projek eko-komuniti di mana masyarakat di kawasan kejiran (hotspot) di beri tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan kejiran melalui pembinaan mesin kitar semula.

Penggunaan mesin kitar semula ini akan memberi faedah kepada masyarakat melalui:

Pembuangan sampah yang menghasilkan insentif secara terus kepada individu.

Mendidik dan memberi kuasa kepada penduduk menjadi agen perubahan dalam kebersihan alam sekitar.

Makmal Inovasi

Makmal Inovasi berfungsi untuk mengadaptasikan pendekatan inovasi sosial secara kajian eksperimen untuk memastikan kejayaan sesuatu projek sebelum dilaksanakan secara meluas.

Sebanyak 6 kajian eksperimen bagi 2015:

- 1) Urban Farming
- 2) Save Our Society (SOS)
- 3) Pusat Mediasi
- 4) Eko-Komuniti
- 5) Digital Mall
- 6) Perkasa Ekonomi RT

Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri

Setiap tahun Jabatan Perdana Menteri (JPM) menganjurkan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM yang disertai oleh semua agensi di bawah JPM bagi meraikan usaha dan kejayaan agensi di bawah JPM yang cemerlang dalam inovasi dan kreativiti. Sejak tahun 2011, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mula menyertai pertandingan Anugerah Inovasi JPM (AIJPM) sehingga kini.

Pelaksanaan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM 2015 pada 29 September 2015 telah menyaksikan kesinambungan kejayaan JPNIN dalam pertandingan inovasi bagi Projek ‘Unity Gardening Drum’ dan Pameran Terbaik. Penyertaan JPNIN dalam AIJPM amat membanggakan di mana JPNIN berjaya merangkul beberapa anugerah inovasi beberapa tahun berturut-turut seperti berikut:



AIJPM 2011

Tempat Ketiga

Anugerah Produk Harapan
'Sistem Pengesahan dan Pengurusan Isu Keharmonian Masyarakat'
Bahagian Pengurusan Perpaduan, JPNIN

AIJPM 2012

Naib Johan

Kategori Non-ICT
'Riang Ria Abjad'
JPNIN Negeri Pahang

AIJPM 2013

Johan

Kategori ICT
'Walkie To Phone'
JPNIN Negeri Terengganu

Tempat Ketiga

Kategori Non-ICT
'Unity Alarm'
JPNIN Negeri Pulau Pinang

Johan

Pameran Terbaik 2013
JPNIN Negeri Terengganu

AIJPM 2014

Naib Johan

Kategori Non-ICT
'Unity Gardening Drum'
Institut Kajian & Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), JPNIN

Johan

Pameran Terbaik 2014
Institut Kajian & Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), JPNIN

Bicara IKLIN

Bicara IKLIN merupakan platform perkongsian maklumat melalui seminar, konvensyen, persidangan dan randau meja bulat (*Round Table Discussion*) untuk sumbang saran bagi menjana idea secara bersama untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan pegawai dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada masyarakat.

Seminar / Persidangan / Konvensyen

Anjuran JPNIN dengan kerjasama agensi luar

Seminar Pembinaan Bangsa: Warisan Watan dan Wawasan Hubungan Etnik di Malaysia pada 10-12 Mei 2015 bertempat di Flamingo Hotel, Ampang, Kuala Lumpur.

Anjuran agensi luar dengan kerjasama JPNIN

Konvensyen Kebangsaan: Kepimpinan Institusi Pengajaran Tinggi dan Merekayaan Kesejahteraan Sosial Negara anjuran USM, AKEPT dan Kementerian Pengajaran Tinggi Malaysia pada 2 Julai 2015 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Seminar On Government and Civilisation II (SOGOC II) anjuran Fakulti Ekologi Manusia, UPM pada 10-11 Ogos 2015.

RTD / Pembentangan Kajian

Rendau Meja Bulat Hubungan Etnik di Malaysia pada 10 Mei 2015 anjuran JPNIN.

Wacana Meja Bulat Peranan Media Sosial dalam Hubungan Etnik: Cabaran dan Harapan anjuran KITA, UKM pada 25 Jun 2015.

Pembentangan Kajian Persepsi Masyarakat terhadap Penggunaan Perkataan Bangsa dalam Borang Rasmi Kerajaan dan Swasta dan kaitannya dengan Perpaduan Negara oleh Prof Madya Dr Ismi Arif, AKEPT.

Pembentangan Kajian Keberkesanan Kurikulum dan Kokurikulum dalam pemupukan Identiti Nasional di Sekolah oleh Prof Madya Dr Hamidah Yusof, UPSI.

Pembentangan Kajian Tahap Pengetahuan Kefahaman dan Penerimaan Masyarakat terhadap Perlembagaan Persekutuan: Kajian di Lembah Klang oleh Prof Madya Dr Nazri Muslim, UKM.

Pembentangan Kajian Struktur Sosial dan Keberkesanan Skim Rondaan Sukarela oleh Prof Madya Dr Novel Anak Lyndon, UKM.

Perkongsian Ilmu Kajian Bentuk Komuniti di Kawasan Kejiranan Rukun Tetangga Daerah Hulu Langat, Selangor oleh Mohd Syariefudin bin Abdullah, UPSI.

Imbasan Kenangan




Seminar Pembinaan Bangsa: Warisan, Watan dan Wawasan Hubungan Etnik di Malaysia pada 10 - 12 Mei 2015 bertempat di Kuala Lumpur.



Lawatan Khas YBhg Datuk Heng Seai Kie, Penasihat Hal Ehwal Perpaduan dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri, Penasihat Perpaduan ke IKLIN pada 14 Ogos 2015.



Randau Meja Bulat (RTD) dalam Seminar Pembinaan Bangsa: Warisan, Watan dan Wawasan Hubungan Etnik di Malaysia pada 10 Mei 2015 bertempat di Kuala Lumpur.



Majlis menandatangani MOU program Kerjaya My Silang pada 26 November 2014 di Universiti Malaya.




Penerbitan IKLIN.

Perbincangan Team Building Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) pada 19 November 2014 bertempat di pejabat IKLIN.



Bengkel Penyediaan Kapsul Perpaduan pada 9 - 11 April 2015.

Survey Penyampaian Maklumat Konvensional



- Tidak Pernah Baca dan Lihat Maklumat Perpaduan
- Pernah Baca dan Faham Maklumat Perpaduan
- 17% Responden berminat mendapat maklumat tentang perpaduan.
- 51% responden mendapat sumber maklumat yang menarik perhatian dari Facebook dan Whatsapp.
- Majoriti responden tidak mengetahui apa itu Kapsul Perpaduan.**

Survey Penyampaian Maklumat Melalui Kapsul Perpaduan

- 92% menyukai Kapsul Perpaduan yang telah mereka tonton.
- 35% menyatakan akan memuat turun Kapsul Perpaduan.
- 64% akan memuat turun dan menonton berulang kali Kapsul Perpaduan yang dihantar.
- 43% akan menghantar Kapsul Perpaduan kepada rakan mereka.

Pencapaian Penyebaran Kapsul Perpaduan

Perkara	Sebelum Penyebaran Kapsul	Selepas Penyebaran Kapsul	Peratus Peningkatan %
Kesedaran maklumat perpaduan	3	7	40
Pengetahuan tentang perpaduan	3	6	40
Pemahaman tentang budaya dan adat resam pelbagai kaum	3	6	30
Minat untuk mengetahui tentang kepelbagaian kaum dan agama	4	6	20
Liputan maklumat perpaduan dan keharmonian	4	8	40

Tajuk-Tajuk Kapsul Perpaduan

- | | | |
|---------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------|
| ■ Moderation | ■ Warisan, Watan dan Wawasan | ■ Integrasi Nasional |
| ■ Demi Negara | ■ Sepakat Membawa Berkat | ■ Unity Gardening Drum |
| ■ Membudayakan Perpaduan | ■ Keharmonian Agama | ■ Toleransi Kaum |

Kapsul Perpaduan



- Menjadi platform penyebaran mesej perpaduan
- Meningkatkan peranan jabatan sebagai peneraju dalam bidang perpaduan dan integrasi nasional
- Jabatan lebih dikenali dalam "membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian"
- Memperkasa kebolehan golongan muda

Senarai Kursus Tahun 2015

Pusat	Nama Kursus	Kump. Sasar	Ketua Pusat
Pusat Pengurusan	Bengkel Inovasi dan KIK	Pegawai JPNIN	Norhamidah Gorment
	Kursus Pengenalan dan Keperluan MS ISO 9001:2008 Untuk Auditor Baru	Pegawai JPNIN	
	Bengkel Pemantapan Prosedur ISO	Pegawai JPNIN	
	Kursus Microsoft Power Point & Slide Share	Pegawai JPNIN	
	Bengkel Pengurusan Kewangan JPNIN	Pegawai JPNIN	
	Kursus Penyediaan Kandungan Laman Web JPNIN	Pegawai JPNIN	
	Bengkel TOT - Tatacara Penggunaan Emel & Penggunaan Peralatan ICT Tabika Perpaduan	Guru Tabika (JU)	
	Bengkel Pengesahan & Pengurusan Isu Perpaduan	Pegawai JPNIN	
	Kursus Pembangunan Kepimpinan	Pegawai JPNIN	
Pusat Pendidikan Perpaduan	Bengkel Integriti Kumpulan Pelaksana	Pegawai JPNIN	Syadatul Amira Aminudin
	Kursus Pengurusan Maklumat Laman Web JPNIN	Pegawai JPNIN	
	Bengkel Riang Ria Abjad	Guru Tabika	
	Kursus Asas Guru Tabika Perpaduan	Guru Tabika	
	Kursus Asas Penolong Guru Tabika Perpaduan	Pen.Guru Tabika	
	Kursus Lanjutan Guru Tabika Perpaduan	Guru Tabika	
	Kursus Lanjutan Penolong Guru Tabika Perpaduan	Pen.Guru Tabika	
	Kursus Pentaksiran Prasekolah	Guru Tabika	
	Kursus Pengurusan Tingkahlaku Kanak-kanak	Guru Tabika	

Senarai Kaum dan Suku Kaum di Malaysia

Pusat			Ketua Pusat
Pusat Kepimpinan	Bengkel Kepimpinan Perkhidmatan Rukun Tetangga	RT Esszone	Wan Zumaiza Wan Mustapha
	Kursus Inovasi Sosial Rukun Tetangga	RT	
	Bengkel Keselamatan Komuniti	RT	
	Kursus Pengenalan dan Perancangan KOSPEN	RT	
	Bengkel Rukun Tetangga Cemerlang	RT	
	Bengkel SRS Cemerlang	RT	
	Bengkel Sukarelawan Rukun Tetangga/ Jiran Wanita	RT	
	Bengkel Jiran Muda Hebat (Sukarelawan)	RT	
Pusat Mediasi	Kursus Mediasi Komuniti di Kalangan AJK RT	Rukun Tetangga (RT)	Aryantie Ariffin
	Kursus Persijilan Mediasi Di Kalangan Pegawai	Pegawai JPNIN	
	Kursus Persijilan Mediasi Asas dan Pengenalan	Pegawai JPNIN	
	Kafe Penggerak Perpaduan Masyarakat	Penggerak Perpaduan	
Pusat Hubungan Etnik	Kursus Persijilan Hubungan Etnik	Pegawai JPNIN	All Ashari Nong
	Kursus Bahasa Mandarin Tahap 1	Pegawai JPNIN	
	Kursus Bahasa Mandarin Tahap 2	Pegawai JPNIN	
	Kursus Adat Resam dan Silang Budaya	Komuniti	
	Meja Bulat Isu Perpaduan Semasa	Terbuka	
	Bengkel Membudayakan Perpaduan	Pegawai JPNIN	
	Pencerahan Isu Hubungan Etnik Semasa	Terbuka	
	Kursus Kejurulatihan Silang Budaya	Pegawai JPNIN	

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Statistik Dan Jabatan Imigresen Sabah Dan Jabatan Imigresen Sarawak Sehingga 2014

Bil.	Kaum	Suku Kaum
	Bumiputera Sabah	Bumiputera Sabah
1	Bumiputera Sabah	Bajau
2	Bumiputera Sabah	Binadan
3	Bumiputera Sabah	Bisaya
4	Bumiputera Sabah	Bolongan
5	Bumiputera Sabah	Bongol
6	Bumiputera Sabah	Brunei
7	Bumiputera Sabah	Buton
8	Bumiputera Sabah	Cocos
9	Bumiputera Sabah	Dumpas
10	Bumiputera Sabah	Dusun
11	Bumiputera Sabah	Idahan
12	Bumiputera Sabah	Iranun
13	Bumiputera Sabah	Kadazan
14	Bumiputera Sabah	Kagayan
15	Bumiputera Sabah	Kedayan
16	Bumiputera Sabah	Kimaragang
17	Bumiputera Sabah	Kwijau
18	Bumiputera Sabah	Lasau
19	Bumiputera Sabah	Lingkabau
20	Bumiputera Sabah	Lundayeh
21	Bumiputera Sabah	Mangkaak
22	Bumiputera Sabah	Matagang
23	Bumiputera Sabah	Melanau
24	Bumiputera Sabah	Melayu Sabah
25	Bumiputera Sabah	Minokok
26	Bumiputera Sabah	Momogun
27	Bumiputera Sabah	Murut
28	Bumiputera Sabah	Paitan
29	Bumiputera Sabah	Rumanau
30	Bumiputera Sabah	Rungus
31	Bumiputera Sabah	Sino-Native
32	Bumiputera Sabah	Sinulihan
33	Bumiputera Sabah	Sonsongan
34	Bumiputera Sabah	Suluk
35	Bumiputera Sabah	Sungai
36	Bumiputera Sabah	Tagal
37	Bumiputera Sabah	Tidung
38	Bumiputera Sabah	Tinagas

Bil.	Kaum	Suku Kaum
39	Bumiputera Sabah	Tombonuo
40	Bumiputera Sarawak	Badang
41	Bumiputera Sarawak	Baketan
42	Bumiputera Sarawak	Balau
43	Bumiputera Sarawak	Batak
44	Bumiputera Sarawak	Batang Ai
45	Bumiputera Sarawak	Batu Elah
46	Bumiputera Sarawak	Belot
47	Bumiputera Sarawak	Berawan
48	Bumiputera Sarawak	Bidayuh Atau Land Dayak
49	Bumiputera Sarawak	Bintulu
50	Bumiputera Sarawak	Bisaya
51	Bumiputera Sarawak	Buket
52	Bumiputera Sarawak	Dusun
53	Bumiputera Sarawak	Iban Atau Sea Dayak
54	Bumiputera Sarawak	Jagoi
55	Bumiputera Sarawak	Kajang
56	Bumiputera Sarawak	Kanowit
57	Bumiputera Sarawak	Kayan
58	Bumiputera Sarawak	Kedayan
59	Bumiputera Sarawak	Kejaman
60	Bumiputera Sarawak	Kelabit
61	Bumiputera Sarawak	Kenyah
62	Bumiputera Sarawak	Lahanan
63	Bumiputera Sarawak	Lakiput
64	Bumiputera Sarawak	Lemanak
65	Bumiputera Sarawak	Lirong
66	Bumiputera Sarawak	Lisum Atau Lugum
67	Bumiputera Sarawak	Manura
68	Bumiputera Sarawak	Matu
69	Bumiputera Sarawak	Melaing
70	Bumiputera Sarawak	Melanau
71	Bumiputera Sarawak	Melayu Sarawak
72	Bumiputera Sarawak	Melikin
73	Bumiputera Sarawak	Memaloh
74	Bumiputera Sarawak	Menado
75	Bumiputera Sarawak	Menondo
76	Bumiputera Sarawak	Murut Atau Lun Bawang
77	Bumiputera Sarawak	Ngurik
78	Bumiputera Sarawak	Nyamok
79	Bumiputera Sarawak	Pathan
80	Bumiputera Sarawak	Penan


Bil.	Kaum	Suku Kaum
81	Bumiputera Sarawak	Punan
82	Bumiputera Sarawak	Saban
83	Bumiputera Sarawak	Saribas
84	Bumiputera Sarawak	Sebop
85	Bumiputera Sarawak	Sebuyau
86	Bumiputera Sarawak	Seduan
87	Bumiputera Sarawak	Segalang
88	Bumiputera Sarawak	Sekapan
89	Bumiputera Sarawak	Selakan
90	Bumiputera Sarawak	Selako
91	Bumiputera Sarawak	Sihan
92	Bumiputera Sarawak	Sipeng
93	Bumiputera Sarawak	Skrang
94	Bumiputera Sarawak	Tabun
95	Bumiputera Sarawak	Tagal
96	Bumiputera Sarawak	Tanjong
97	Bumiputera Sarawak	Tatau
98	Bumiputera Sarawak	Taup
99	Bumiputera Sarawak	Timor
100	Bumiputera Sarawak	Tongans
101	Bumiputera Sarawak	Toraja
102	Bumiputera Sarawak	Tutong
103	Bumiputera Sarawak	Ukit
104	Bumiputera Sarawak	Ulu Ai
105	Bumiputera Sarawak	Unkop
	Cina	Cina
106	Cina	Cantonese
107	Cina	Foochow
108	Cina	Hainanese
109	Cina	Henghua
110	Cina	Hokchia
111	Cina	Hokchiu
112	Cina	Hokkien
113	Cina	Hylam
114	Cina	Khek (Hakka)
115	Cina	Kongfoo
116	Cina	Kwongsai
117	Cina	Teochew

Bil.	Kaum	Suku Kaum
	India	India
118	India	India Muslim
119	India	Malabari
120	India	Malayali
121	India	Orissa
122	India	Punjabi
123	India	Sikh
124	India	Tamil
125	India	Telegu
126	India	Telugu
	Melayu	Melayu
127	Melayu	Banjar
128	Melayu	Boyan
129	Melayu	Bugis
130	Melayu	Jawa
131	Melayu	Jawi Pekan
132	Melayu	Minangkabau
	Orang Asli	Orang Asli (Semenanjung)
133	Orang Asli	Jakun
134	Orang Asli	Negrito
135	Orang Asli	Sakai
136	Orang Asli	Semai
137	Orang Asli	Semalai
138	Orang Asli	Senoi
139	Orang Asli	Temiar




Corat-Coret IKLIN (IKLIN Souls)





**Great things
never came
from comfort
zones.**



Before you speak....

T H I N K !

